

**Pemuda Umno hantar empat calon tanding jawatan MT
Malaysian Insider
Sept 4 , 2013
OLEH MOHD FARHAN DARWIS**

Pemuda Umno secara rasmi menamakan empat calon mereka untuk bertanding merebut jawatan Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno bagi menyahut seruan kepimpinan untuk meremajakan parti Melayu tersebut.

Empat nama yang telah disahkan bertanding adalah Naib Pemuda Umno, Datuk Razali Ibrahim, Ketua Penerangan, Datuk Seri Reezal Merican, Exco Biro Ekonomi, Datuk Shuhami Shahadan serta Ketua Unit Media Baru, Tun Faisal Tun Ismail Aziz.

Kesemua mereka diumumkan oleh Ketua Pemuda Umno Khairy Jamaluddin (gambar) ketika sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Pemuda Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur.

"Kita beri sokongan kepada empat calon ini dan saya minta perwakilan pemuda yang akan mengundi memberi sokongan tak berbelah bahagi," kata Khairy kepada pemberita.

"Mereka adalah calon generasi muda yang menyahut seruan saranan meremajakan Umno," katanya lagi.

Sementara itu, bagi perebutan merebut jawatan Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy mengesahkan empat nama akan bertanding, antaranya adalah Jamawi Jaafar, Lokman Noor Adam, Iruan Zulkifli, dan Ketua Pemuda Perak, Khairul Azwan Harun.

"Mereka semua berikrar dan setuju dan janji mereka akan bertanding dalam suasana kekeluargaan," katanya.

Jelasnya lagi, Zubir Zabidi, akan bertanding jawatan Pengerusi Tetap Pemuda Umno.

Khairy bagaimanapun berkata mana-mana ahli yang ingin bertanding jawatan berkenaan perlu berjumpa dengan pihaknya terlebih dahulu.

"Kita bukan nak menyekat, sesiapa boleh bertanding ... tapi datanglah berbincang dengan kita," katanya yang mengesahkan mempertahankan kerusi Ketua Pemuda Umno.

Khairy turut menambah beliau difahamkan terdapat hampir 170 nama yang ingin bertanding merebut jawatan berkenaan.

Mengulas lanjut berhubung Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), Khairy menegaskan, Pemuda Umno menyeru Putrajaya agar tidak membincangkan beberapa perkara untuk dirunding dengan negara terlibat.

Antara perkara tersebut adalah berhubung syarikat milik kerajaan, agenda ekonomi Melayu, perolehan kerajaan, dan juga tindakan perundangan terhadap kerajaan oleh syarikat swasta.

"Kita setuju bahawa ada beberapa isu yang tidak boleh dirunding, kerana ia akan mendedahkan syarikat milik kerajaan kepada gelanggang tak sama rata.

"Kita tidak kompromi agenda ekonomi Bumiputera. Tiada peruntukan boleh menidakkan bantuan kepada usahawan," katanya lagi. – 4 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemuda-umno-hantar-empat-calon-tanding-jawatan-mt>